2010

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

49 Mengekalkan Kekukuhan dan Keyakinan dalam Sektor Kewangan

50 Memastikan Akses Berterusan kepada Pembiayaan

51 *Rencana: Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap*

54 *Rencana: Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di Malaysia*

58 Membangunkan Pasaran Kewangan

59 Meningkatkan Sumbangan Kewangan Islam dan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa

61 *Rencana: Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa: Meningkatkan Pengurusan Mudah Tunai Islam Global*

63 Meningkatkan Saling Hubungan Malaysia dengan Ekonomi Serantau dan Antarabangsa

64 Meneruskan Pembangunan Modal Insan

65 Mengekalkan Integriti Sistem Kewangan

66 Menggalakkan Sistem Kewangan yang Inklusif

67 *Rencana: Memodenkan Industri Pengurupan dan Perkhidmatan Kiriman Wang*

70 Kepentingan Utama pada Masa Hadapan

Langkah-langkah dasar untuk membangunkan sektor kewangan pada tahun 2010 terus menyokong kestabilan makroekonomi dan momentum pertumbuhan ekonomi negara sambil meneruskan inisiatif jangka panjang untuk meningkatkan potensi keupayaan dan daya tahan sektor kewangan Malaysia. Saling hubungan antara Malaysia dengan ekonomi global dan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa terus diperkukuh. Ini dicapai melalui tumpuan berterusan terhadap usaha mempertingkat tahap rangkuman kewangan dan memastikan asas yang kukuh untuk kestabilan kewangan. Melangkah ke hadapan, sektor kewangan juga diletakkan dalam keadaan bersedia untuk memikul peranan yang semakin bertambah bagi menyokong peralihan negara ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, disokong oleh pertumbuhan yang mampan dan menyeluruh.

MENGEKALKAN KEKUKUHAN DAN KEYAKINAN DALAM SEKTOR KEWANGAN

Sejak bertahun-tahun yang lalu, institusi perbankan di Malaysia telah mewujudkan penampan modal dan peruntukan penampan yang kukuh, amalan penajajaminan dan pengurusan risiko yang bertambah baik, serta struktur tadbir urus yang diperkukuh. Pada tahun 2010, prasyarat untuk pertumbuhan seterusnya telah dipertingkat lagi sementara persekitaran yang menyokong pertumbuhan terus bertambah baik bagi menggalakkan persaingan dan inovasi yang produktif.

Jaring keselamatan kewangan semakin teguh dengan berkuat kuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 yang baharu pada 31 Disember 2010, yang meliputi penambahbaikan yang penting berkaitan dengan rangka kerja perlindungan pengguna. Perundangan baharu ini meluaskan perlindungan sedia ada di bawah sistem insurans deposit, dengan had perlindungan dinaikkan sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit sesebuah institusi ahli (daripada RM60,000). Perlindungan kini juga diperluas bagi meliputi deposit dalam denominasi mata wang asing. Kuasa PIDM untuk meminimumkan risiko dalam sistem kewangan juga dipertingkat untuk menyokong peranannya dalam memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Malaysia selain membolehkan ia membuat intervensi dan menamatkan operasi institusi kewangan yang tidak berdaya maju. Secara khusus, perundangan baharu ini memberikan kuasa kepada PIDM untuk menggunakan alat dan langkah yang lebih pelbagai, termasuk meningkatkan had perlindungan, meluaskan perlindungan kepada institusi bukan ahli dan melantik institusi perantara untuk mengambil alih secara sementara komitmen institusi yang tidak berdaya maju sebagai jalan penyelesaian.

Jaring keselamatan kewangan semakin teguh dengan berkuat kuasanya Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011 baharu pada 31 Disember 2010

Bank terus menjalankan usaha yang selari bagi meningkatkan daya tahan industri insurans Malaysia. Usaha ini tertumpu khususnya ke arah meningkatkan keupayaan syarikat insurans dalam menyediakan perlindungan kepada pengguna, menangani kelemahan struktur dalam industri, dan mengukuhkan jaring keselamatan kewangan untuk melindungi kepentingan pemegang polisi.

Dalam industri insurans am, kewujudan terlalu banyak bilangan syarikat insurans am bersaiz kecil terus menjadi cabaran utama dalam merealisasikan potensi pertumbuhan jangka panjang bagi sektor ini dan keupayaannya memenuhi keperluan ekonomi yang semakin bertambah bagi produk perlindungan risiko. Daripada 30 syarikat insurans dalam industri insurans am, 20 merupakan syarikat kecil yang hanya menguasai sebanyak 38% daripada jumlah premium kasar. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap produk insurans dan mekanisme perlindungan yang semakin

canggih akan meningkat apabila ekonomi negara bergerak ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi, dan sektor pertumbuhan ekonomi baharu memainkan peranan lebih penting dalam ekonomi. Dengan mengambil kira faktor ini, Bank terus menggalakkan penggabungan dan rasionalisasi dalam industri yang bertujuan untuk membangunkan syarikat insurans am yang kukuh dengan keupayaan dan skala yang mencukupi agar dapat memberikan sumbangan bermakna kepada ekonomi seluruhnya. Kemajuan yang ketara telah dicapai setakat ini ialah, selain kejayaan skim rasionalisasi tiga syarikat insurans am yang diluluskan oleh Bank pada tahun 2010, beberapa rundingan yang menggalakkan sedang dalam rangka pelaksanaan. Dorongan untuk penggabungan dan rasionalisasi yang berterusan diperkuat lagi dengan had penyertaan ekuiti asing yang lebih liberal, keperluan modal yang bertambah, dan kehendak penyeliaan lebih tinggi terhadap syarikat insurans.

Usaha yang lebih giat untuk menangani kelemahan struktur sektor insurans motor telah dilaksanakan pada tahun 2010. Usaha ini penting untuk meletakkan industri insurans dan takaful am pada asas yang lebih kukuh bagi memenuhi keperluan sektor isi rumah dan perniagaan di Malaysia, memandangkan lebih 47.5% daripada jumlah premium dan caruman am tertumpu pada sektor motor. Perniagaan insurans motor merupakan portfolio dominan bagi 18 syarikat insurans am, yang mencakupi antara 24.3% hingga 87.3% daripada jumlah premium yang diunderait oleh kumpulan ini. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, industri insurans dan takaful am mendapati agak sukar untuk terus menyokong perniagaan insurans dan takaful motor jika dinilai dari aspek komersialnya. Ini telah menyebabkan syarikat insurans menarik diri daripada mengunderait polisi motor (terutamanya polisi Pihak Ketiga). Kajian semula yang menyeluruh ke atas rangka kerja insurans motor sedia ada telah dibuat dengan memberikan tumpuan kepada perlindungan kecederaan anggota pihak ketiga. Langkah ini bertujuan mengekalkan akses kepada perlindungan insurans motor yang mampu dibeli oleh orang ramai, sambil memastikan penyediaan perlindungan insurans terus bertahan dalam jangka panjang. Huraian lebih terperinci mengenai isu-isu dasar, cabaran dan hasil kajian semula ini terkandung dalam rencana khas ``*Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap*´´ dalam Laporan ini.

Jaring keselamatan untuk pemegang polisi insurans menjadi lebih kukuh berikutan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Takaful and Insurance Benefits Protection System, TIPS) pada 31 Disember 2010. TIPS menggantikan Dana Skim Jaminan Insurans (Insurance Guarantee Scheme Fund, IGSF) bagi industri insurans yang wujud sejak tahun 1970an bagi memenuhi tuntutan pemegang polisi syarikat insurans yang telah gagal beroperasi dengan menggunakan dana yang dikumpulkan oleh industri insurans. Sejak penubuhannya, IGSF telah digunakan untuk tujuan pembayaran bagi pihak tiga syarikat insurans am yang gagal beroperasi. Melangkah ke hadapan, TIPS akan memainkan peranan ini dengan memberikan tahap perlindungan yang lebih baik kepada pemegang polisi insurans dan peserta takaful. Selain itu, TIPS juga telah mendapat mandat yang lebih luas di bawah pentadbiran PIDM untuk menamatkan operasi syarikat insurans atau pengendali takaful yang tidak lagi berdaya maju atau yang dianggap oleh Bank sebagai syarikat yang mungkin akan menjadi tidak berdaya maju, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Keterangan lebih terperinci tentang sistem ini terkandung dalam rencana ``*Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di Malaysia*´´ dalam Laporan ini.

MEMASTIKAN AKSES BERTERUSAN KEPADA PEMBIAYAAN

Pelaksanaan langkah-langkah dasar yang segera oleh Bank pada tahun 2008 dan 2009 untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh sektor perniagaan dan isi rumah serta menyokong aliran kredit yang berterusan ke dalam ekonomi telah membolehkan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar dan cekap. Pada akhir tahun 2010, jumlah pembiayaan terkumpul sistem perbankan meningkat sebanyak 12.7% berbanding tahun sebelumnya kepada RM883.3 bilion atau 115.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jumlah pembiayaan terkumpul bagi sektor perniagaan dan isi rumah masing-masing mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.4% dan 13.4%.

Sebagai jentera pertumbuhan utama dalam ekonomi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mendapat sokongan daripada sektor kewangan untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka, dengan pembiayaan terkumpul kepada PKS daripada institusi perbankan dan institusi

Ke Arah Rangka Kerja Perlindungan Motor yang Lebih Berkesan dan Cekap

Cabaran yang dihadapi industri insurans dan takaful dalam pengunderaitan motor dan kesannya kepada pemilik kenderaan bermotor

Di bawah perundangan pengangkutan jalan Malaysia, adalah menjadi keperluan mandatori bagi semua pemilik kenderaan bermotor di negara ini untuk membeli polisi insurans atau sijil takaful (secara kolektif dirujuk sebagai polisi insurans) bagi mendapatkan perlindungan daripada liabiliti yang timbul akibat kecederaan anggota, termasuk kematian, kepada mana-mana pihak ketiga. Keperluan ini bertujuan untuk memberikan pampasan kepada orang awam yang tercedera atau meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemilik kenderaan.

Di Malaysia, premium insurans motor (termasuk caruman dalam konteks takaful) dan skop perlindungan di bawah polisi insurans motor ditentukan oleh tarif motor Malaysia (Tarif). Tarif ini tidak pernah dikaji semula sejak tahun 1978 bagi mengambil kira perubahan profil risiko yang berkaitan dengan insurans motor dan perlindungan takaful (dirujuk sebagai insurans motor selepas ini dan merangkumi perlindungan takaful), termasuk meningkatnya kekerapan tuntutan dan kenaikan pantas kos tuntutan bagi kemalangan motor.

Antara perbelanjaan berkaitan dengan kemalangan kenderaan bermotor yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful, kos berkaitan dengan kecederaan anggota dan kematian merupakan komponen terbesar. Sejak beberapa tahun ini, pembayaran tuntutan komponen Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga perlindungan insurans motor telah semakin meningkat dengan nisbah tuntutan melebihi 200% sejak tahun 2006. Bagi setiap ringgit premium Kecederaan Anggota dan Kematian Pihak Ketiga yang diterima pada tahun 2010, penanggung insurans dan pengendali takaful masing-masing membayar tuntutan sebanyak RM2.82 dan RM2.25 dan jumlah ini belum mengambil kira kos berkaitan yang lain seperti perbelanjaan pengurusan dan pemerolehan.

Jurang yang semakin lebar antara premium yang dikutip dengan tuntutan yang dibayar oleh pihak industri telah menyebabkan pembeli perlindungan insurans motor Pihak Ketiga tersisih memandangkan semakin banyak penanggung insurans dan pengendali takaful tidak mampu lagi meneruskan perniagaan jenis ini kerana didapati merugikan. Akibatnya, sesetengah pemilik kenderaan bermotor terpaksa membeli polisi motor mereka daripada *Malaysian Motor Insurance Pool* (MMIP) yang pada asalnya diwujudkan oleh industri insurans am pada tahun 1992 sebagai penanggung insurans pilihan terakhir bagi risiko motor yang tinggi, seperti bas dan juga kenderaan yang mengangkut bahan berbahaya. Ini telah menyebabkan peningkatan mendadak dalam bilangan polisi motor yang dikeluarkan oleh MMIP, yang bertambah daripada 5,897 pada tahun 2007 kepada 128,058 pada tahun 2009. Polisi yang diinsuranskan oleh MMIP tertakluk kepada surcaj premium tambahan dan peraturan pengunderaitan yang lebih ketat untuk mencerminkan risiko yang lebih tinggi bagi polisi yang dilindungi. Peralihan polisi motor yang bertambah kepada MMIP bagaimanapun telah menjejaskan kumpulan pemilik kenderaan ini secara tidak seimbang melalui peningkatan kos insurans berkaitan yang ketara, dan juga kekurangan akses kepada perlindungan insurans motor. Walaupun kenderaan yang dilindungi oleh MMIP hanya merangkumi 2% daripada jumlah keseluruhan kenderaan yang diinsuranskan di Malaysia, kajian semula yang segera ke atas peraturan-peraturan MMIP akan dibuat bagi memastikan pemilik kenderaan bermotor yang tidak dianggap berisiko tinggi akan mendapat akses yang lebih luas kepada perlindungan motor pada premium yang lebih rendah.

Kajian holistik terhadap rangka kerja perlindungan motor

Menyedari kesulitan yang dihadapi oleh pemilik kenderaan berkaitan dengan insurans motor, Bank telah membuat kajian holistik terhadap rangka kerja insurans motor dengan tujuan utamanya untuk menangani isu akses kepada perlindungan insurans motor yang mampu dibeli. Ini bagi memastikan orang ramai akan mudah mendapat akses kepada perlindungan insurans dan takaful

yang mencukupi pada premium yang berpatutan sepanjang masa, dan juga perlindungan seumpama ini boleh terus disediakan dan berdaya tahan dari segi komersial dalam jangka panjang. Semasa menjalankan kajian tersebut, Bank menyedari bahawa sungguhpun kajian semula terhadap kadar premium dapat menangani ketakjajaran dalam penentuan premium dalam jangka pendek, namun ia perlu dilakukan bersama-sama dengan pelarasan struktur asas terhadap seluruh rantaian nilai tuntutan motor bagi mengekang trend kos tuntutan yang meningkat pantas secara berterusan dalam jangka panjang. Oleh itu, penghasilan rangka kerja perlindungan motor baharu yang dicadangkan ini akan dapat memperbaik sistem liabiliti tak terhad berasaskan tort (tort-based unlimited liability system) sedia ada melalui peningkatan kecekapan yang menyeluruh untuk mengawal kos tuntutan yang tinggi akibat ketirisan, insentif yang tidak sejajar dan penipuan tuntutan.

Maklum balas daripada perjumpaan dan komunikasi dengan orang awam

Perjumpaan dan komunikasi dengan pelbagai pihak berkepentingan yang utama dan orang ramai menunjukkan sokongan mereka supaya perlindungan insurans motor terus ditawarkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful sedia ada disebabkan terdapat akses yang mudah dan tahap perkhidmatan lebih baik ekoran persaingan yang terdapat dalam industri. Sebahagian besar responden juga menyokong supaya skop perlindungan sedia ada bagi pelbagai jenis tuntutan kecederaan anggota dikekalkan dengan had jumlah keseluruhan yang berpatutan bagi pembayaran pampasan. Maklum balas selanjutnya menunjukkan bahawa orang ramai lebih menerima langkah pelarasan premium yang berpatutan dan beransur-ansur bagi menangani ketakjajaran dalam penentuan harga premium memandangkan Tarif tidak pernah disemak sejak lebih 30 tahun yang lalu. Namun, harapan orang ramai juga adalah supaya semakan ini disertai dengan proses penyelesaian tuntutan yang jauh lebih cekap, yang juga akan mengawal ketirisan kos secara berkesan sepanjang rantaian penyelesaian tuntutan. Langkah mengekalkan peranan sistem mahkamah sebagai saluran penyelesaian pertikaian turut disokong bagi memastikan kepentingan pihak yang menuntut dilindungi dengan secukupnya.

Ke arah rangka kerja motor baharu

Dengan mengambil kira maklum balas yang diperoleh daripada proses perjumpaan dan komunikasi dengan orang awam, rangka kerja yang baharu ini memberikan tumpuan pada dua bidang, iaitu peningkatan kecekapan proses penyelesaian tuntutan dan pengenalan pelarasan premium secara beransur-ansur agar premium yang dikenakan lebih sejajar dengan pembayaran tuntutan motor secara amnya.

Perumusan langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan telah dibuat melalui perundingan dan kerjasama rapat dengan agensi kerajaan yang berkaitan dan juga institusi swasta tertentu yang terlibat dalam rantaian penyelesaian tuntutan. Ini termasuk Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan (hospital), Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Badan Peguam Malaysia serta industri insurans dan takaful yang semuanya bersetuju untuk memberikan komitmen masing-masing bagi menyokong pewujudan penyelesaian tuntutan yang lebih cekap, adil dan telus, terutamanya bagi melindungi kepentingan mangsa kemalangan kenderaan bermotor. Inisiatif kecekapan yang dikenal pasti termasuk:

- penubuhan pusat panggilan untuk memberikan bantuan sokongan segera kepada mangsa kemalangan jalan raya;
- membolehkan hospital membantu mangsa kemalangan jalan raya mengemukakan notis tuntutan kepada penanggung insurans;
- tempoh masa lebih pendek untuk mengeluarkan laporan polis dan perubatan bagi membolehkan tuntutan diproses dengan lebih cepat;
- proses mengemukakan notis tuntutan yang lebih mudah; dan
- mengkaji semula yuran peguam untuk kes kecederaan anggota dan kematian.

Tindakan susulan oleh pelbagai pihak untuk melaksanakan langkah kecekapan yang dikenal pasti akan dimulakan dengan segera. Pelaksanaan berkesan langkah tersebut dijangka dapat mengurangkan masa yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan insurans motor dan takaful dengan ketara, daripada tempoh purata sedia ada, iaitu antara satu hingga lima tahun kepada enam hingga 18 bulan pada masa akan datang. Langkah penambahbaikan ini dipantau oleh sebuah jawatankuasa kerja bersama yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia, dan terdiri daripada wakil daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Badan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara, Badan Peguam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, industri insurans dan takaful serta persatuan pengguna dan pengangkutan. Mandat jawatankuasa tersebut adalah untuk memacu dan memastikan kejayaan pelaksanaan pelbagai langkah peningkatan kecekapan yang agensi dan institusi swasta berkenaan telah memberikan komitmen untuk melaksanakannya. Mesyuarat sulung jawatankuasa tersebut akan diadakan pada April 2011.

Sejajar dengan langkah untuk meningkatkan kecekapan, pelarasan premium yang munasabah juga akan diperkenalkan secara berperingkat dalam jangka masa empat tahun bermula pada 1 Januari 2012. Pelarasan premium ini akan berpandukan prinsip utama berikut:

- Pelarasan akan dibuat secara berperingkat-peringkat untuk mengurangkan kesan kepada orang ramai dan selaras dengan penambahbaikan sistem pengangkutan di Malaysia;
- Pelarasan premium tidak akan memberikan kesan yang membebankan kepada golongan berpendapatan rendah; dan
- Pelarasan premium akan dijajarkan dengan profil risiko kategori kenderaan dengan lebih teliti. Ini supaya kategori kenderaan yang mempunyai rekod tuntutan yang baik akan mendapat manfaat daripada pelarasan lebih rendah atau pengurangan premium yang sejajar dengan penentuan harga premium berasaskan risiko.

Perumusan rangka kerja perlindungan motor baharu bertujuan untuk menjuruskan kepentingan jangka panjang kedua-dua pihak, iaitu pihak awam yang mengambil insurans dan pihak industri insurans dan takaful, serta menggalakkan budaya pemanduan yang cermat dan selamat. Pelaksanaannya yang berkesan dan tepat pada masanya amat penting untuk menjamin perlindungan insurans motor sentiasa tersedia dan ditawarkan pada premium yang berpatutan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Selain itu, pencapaian tahap perkhidmatan yang kompetitif dan cekap yang dijangka dapat diraih akan membuahkan hasil yang boleh dinikmati oleh pengguna.

Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di Malaysia

Krisis kewangan yang melanda baru-baru ini telah mendorong pengawal selia di seluruh dunia untuk mengkaji semula keteguhan dan kecukupan pengaturan jaring keselamatan di negara masing-masing bagi melindungi orang ramai sekiranya berlaku sebarang kegagalan institusi kewangan. Inisiatif yang diambil termasuk mengkaji semula skop dan tahap perlindungan di bawah pengaturan yang sedia ada, serta mempertimbangkan pengaturan baharu untuk menyediakan perlindungan yang berkesan kepada pelbagai pengguna kewangan.

Di Malaysia, pengaturan jaring keselamatan dalam sektor kewangan diperkukuh lagi oleh Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (Takaful and Insurance Benefits Protection System atau TIPS) yang diperkenalkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada 31 Disember 2010 untuk melengkapkan sistem insurans deposit (Deposit Insurance System atau DIS) sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 2005 untuk sistem perbankan. TIPS, yang menggantikan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans (Insurance Guarantee Scheme Fund atau IGSF) sedia ada yang ditadbirkan menurut Akta Insurans 1996, beroperasi sebagai **sistem pampasan eksplisit** untuk melindungi pengguna dalam industri insurans dan takaful sekiranya penanggung insurans atau pengendali takaful (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai institusi) mengalami kegagalan. Dengan mengurangkan kemungkinan kerugian kewangan kepada pemegang polisi (termasuk peserta dalam konteks takaful) sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi, TIPS akan memperkukuh lagi rangka kerja perlindungan pengguna di Malaysia dan dengan itu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap industri ini.

Mandat PIDM

Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 memperuntukkan bahawa mandat PIDM hendaklah merangkumi pentadbiran TIPS. Ini akan mengukuhkan lagi peranan PIDM sebagai komponen penting dalam jaring keselamatan kewangan sambil memanfaatkan keupayaan, kecekapan dan rangka kerja institusi PIDM yang telah dibina dan diperkukuh untuk menguruskan resolusi sektor kewangan. Seperti juga DIS, PIDM dikehendaki untuk melaksanakan mandatnya di bawah TIPS dengan cara yang boleh mengurangkan kos bagi sistem kewangan.

Matlamat dasar awam TIPS

Matlamat utama TIPS adalah untuk melindungi kepentingan pemegang polisi dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap industri insurans dan takaful. Kebanyakan pemegang polisi individu dan bernilai rendah mendapatinya sukar untuk memastikan keteguhan kewangan institusi, memandangkan terdapat jurang maklumat yang ketara antara pemegang polisi dengan institusi. Perkara ini menjadi lebih mencabar disebabkan kerumitan teknikal dan ciri jangka panjang perniagaan insurans dan takaful. Sebahagian besar pemegang polisi tidak mempunyai sumber atau insentif untuk memantau prestasi institusi dan membuat pilihan pengguna berdasarkan maklumat. Dalam keadaan ini, perlindungan yang sewajarnya untuk pemegang polisi bukan sahaja dapat melindungi kepentingan pemegang polisi sesebuah institusi yang mungkin menjadi tak mampu bayar (insolvent), bahkan juga penting untuk menghindarkan rasa kurang yakin daripada menular ke seluruh industri ini yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada aktiviti ekonomi, kebajikan individu dan perkembangan industri.

Satu ciri utama TIPS yang dibandingkan dengan IGSF ialah tahap perlindungan eksplisitnya. IGSF sebelum ini memberikan pampasan sehingga 90% daripada manfaat sekiranya sesebuah institusi mengalami kegagalan. Namun, tahap pampasan yang biasa diberikan adalah berbeza-beza, antara 55% hingga 70% daripada manfaat, bergantung pada jumlah dana yang ada. Sebaliknya, di bawah TIPS, tahap perlindungan maksimum ditetapkan terlebih dahulu untuk memberi lebih kepastian dan keyakinan, dan yang penting perlindungan sepenuhnya kepada sebahagian besar individu dan perniagaan kecil yang diinsuranskan. Perlindungan eksplisit di bawah TIPS yang telah pun wujud di bawah DIS sejak tahun 2005 juga akan memastikan olahan konsisten terhadap instrumen simpanan yang ditawarkan dalam industri perbankan dan insurans/takaful bagi mencerminkan penumpuan produk yang semakin ketara dalam sektor kewangan dan memberikan perlindungan yang setara kepada penyimpan dan pemegang polisi.

Di bawah TIPS, perlindungan bagi pemegang polisi juga akan ditingkatkan lagi dengan kuasa lebih luas diperuntukkan kepada PIDM untuk membolehkannya campur tangan dan mencari penyelesaian bagi institusi bermasalah yang tidak lagi berdaya maju atau yang pada pendapat Bank berkemungkinan besar untuk menjadi tidak berdaya maju, demi kepentingan pemegang polisi. Kuasa campur tangan dan penyelesaian PIDM meliputi pengaturan untuk memindahkan polisi/sijil ke institusi yang lain bagi mengekalkan kesinambungan dan nilai pelaburan, serta perlindungan yang diberikan di bawah polisi insurans dan sijil takaful sedia ada.

Matlamat TIPS selanjutnya adalah untuk menggalakkan dan mengukuhkan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap oleh institusi. Matlamat ini akan dapat dicapai dengan melaksanakan struktur premium terbeza yang akan mencerminkan kaitan risiko sesebuah institusi dengan caruman kepada tabung pampasan. Di bawah struktur ini, institusi dengan kedudukan kewangan yang kukuh dan pengurusan risiko yang mantap akan menyumbangkan kadar premium yang lebih rendah kepada tabung tersebut. Langkah ini akan memperlengkap dan memperkukuh peranan penyeliaan Bank melalui insentif yang lebih kukuh bagi menggalakkan institusi menerima pakai dan melaksanakan amalan pengurusan risiko yang mantap, sepadan dengan profil risiko mereka. Sebaliknya di bawah IGSF, semua institusi menyumbangkan kadar premium yang sama kepada IGSF tanpa mengira profil risiko institusi berkenaan.

Keahlian
Keahlian dalam TIPS adalah wajib bagi penanggung insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 dan pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984. Syarikat insurans semula, pengendali takaful semula, pengendali takaful antarabangsa, Danajamin Nasional Berhad dan syarikat pengantara seperti ejen insurans/takaful, broker dan ajuster dikecualikan daripada menjadi ahli.

Pembiayaan
TIPS akan dibiayai oleh premium tahunan yang ditaksirkan mengikut institusi ahli berdasarkan tahap perlindungan bagi setiap institusi individu. PIDM menyelenggarakan dan mentadbirkan dana berasingan di bawah TIPS, masing-masing untuk:
- polisi hayat konvensional;
- polisi am konvensional;
- sijil takaful keluarga; dan
- sijil takaful am.

Pengasingan dana yang jelas ini menggalakkan kesaksamaan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dan penggunaan dana, kerana setiap dana diwujudkan daripada premium yang dibiayai daripada jenis perniagaan insurans/takaful berkenaan untuk manfaat pemegang polisi masing-masing. Pengasingan dana TIPS konvensional dan takaful turut memastikan prinsip Syariah dipatuhi.

Perlindungan
TIPS menyediakan perlindungan bagi polisi dalam denominasi ringgit yang dikeluarkan di Malaysia. Apabila institusi ahli tidak dapat memenuhi obligasinya kepada pemegang polisi, PIDM dikehendaki membayar balik kepada pemegang polisi manfaat yang dilindungi sehingga had maksimum yang diperuntukkan di bawah TIPS. Had perlindungan maksimum adalah berbeza mengikut jenis manfaat yang dilindungi, daripada jumlah sehingga RM10,000 sebulan bagi manfaat hilang upaya atau pendapatan anuiti hinggalah jumlah sehingga RM500,000 bagi tuntutan kematian atau kerosakan harta benda. Sebarang premium yang dibayar lebih dahulu juga akan dibayar balik sepenuhnya. Had ini pada amnya mencukupi untuk memberikan perlindungan penuh kepada sebahagian besar pemegang polisi, sambil pada masa yang sama mengekalkan insentif yang mencukupi bagi pemegang polisi bernilai tinggi yang mempunyai tahap manfaat yang cukup banyak supaya lebih berhati-hati semasa memilih institusi untuk mendapatkan perlindungan. Butiran lanjut mengenai perlindungan yang disediakan oleh TIPS boleh didapati di www.pidm.gov.my.

Kerjasama dan penyelarasan

Bank Negara Malaysia kekal sebagai institusi yang bertanggungjawab terhadap pengawalan dan penyeliaan penanggung insurans dan pengendali takaful, sebagai sebahagian daripada mandatnya untuk mengekalkan kestabilan keseluruhan sistem kewangan Malaysia. PIDM pula mentadbirkan DIS dan TIPS mengikut kaedah yang boleh menyumbang ke arah menggalakkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Kerjasama rapat dan penyelarasan antara Bank dengan PIDM memastikan keberkesanan dan kecekapan jaring keselamatan kewangan.

Usaha ini dicapai melalui perjanjian perikatan strategik (strategic alliance agreement atau SAA) antara Bank dengan PIDM, yang dimeterai apabila bermulanya DIS dan kini diperluas untuk meliputi TIPS. SAA menggariskan dengan jelas bagaimana kedua-dua organisasi ini boleh bekerjasama dan menyelaraskan aktiviti masing-masing demi memelihara integriti jaring keselamatan kewangan dan mengurangkan pertindihan kos pengawalseliaan dan beban atas industri. Secara khususnya, pengaturan ini memperuntukkan penyelarasan penilaian risiko, resolusi institusi ahli serta keperluan pelaporan kawal selia. Selain itu, pengaturan ini turut mewujudkan protokol bagi perundingan dan pertukaran maklumat secara tetap berhubung dengan perkembangan dalam industri untuk menjana kestabilan kewangan yang optimum.

kewangan pembangunan (IKP) mencecah RM141.1 bilion atau 37.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan pada akhir tahun 2010. Bilangan kes PKS yang diterima oleh Pusat Hubungan Bersepadu Bank berhubung dengan isu akses kepada pembiayaan berkurang dengan ketara sebanyak 38% sejak tahun 2009 kepada 327 kes. Ini menggambarkan persekitaran yang lebih baik bagi pembiayaan untuk PKS, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembangunan rangka kerja keinstitusian yang lebih komprehensif, termasuk perkhidmatan sokongan dan nasihat untuk PKS serta langkah awalan institusi kewangan untuk membantu PKS yang berdaya maju yang menghadapi kesulitan kewangan sementara dan mempercepat kelulusan dan pengeluaran pinjaman. Langkah ini termasuk usaha kerjasama pada tahun 2010 untuk mewujudkan Meja Bantuan Pembiayaan PKS yang bersedia memberikan khidmat nasihat di persatuan PKS dan dewan perniagaan di seluruh negara, selain inisiatif ``PARTNER´´ oleh Persatuan Bank-bank Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) untuk memperkemas dan mempermudah prosedur permohonan pinjaman untuk PKS.

Persekitaran yang lebih baik bagi pembiayaan untuk PKS, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembangunan rangka kerja keinstitusian yang lebih komprehensif, termasuk perkhidmatan sokongan dan nasihat untuk PKS serta langkah awalan institusi kewangan untuk membantu PKS yang berdaya maju

Usaha tersebut, yang telah diambil sejak beberapa tahun yang lalu, telah menyumbang ke arah kemajuan dan transformasi PKS, yang seterusnya menyaksikan lebih daripada 4,600 akaun PKS dengan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM14.9 bilion, dinaik taraf menjadi perusahaan besar pada tahun 2010.

Walaupun pembiayaan masih lagi lebih daripada mencukupi untuk menyokong keperluan ekonomi Malaysia pada masa ini, langkah proaktif terus diambil untuk memenuhi keperluan pembiayaan baharu ekonomi. Sehubungan itu, tiga dana khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 2010, iaitu Dana Industri Kreatif sebanyak RM200 juta dan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sebanyak RM1.5 bilion untuk menyokong pembangunan bidang pertumbuhan baharu, dan Dana Mudahcara sebanyak RM20 bilion untuk menyokong pembiayaan projek pembangunan berskala besar dan berimpak tinggi oleh sektor swasta. Dana Industri Kreatif bertujuan merangsang aktiviti pengkomersialan dalam bidang kreatif, termasuk memberi bantuan kepada syarikat yang mengeksport kandungan multimedia berteknologi tinggi dan yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi melalui promosi warisan seni dan budaya negara yang kaya. Bidang penting untuk pertumbuhan selanjutnya ialah penggunaan penyelesaian teknologi mesra alam, termasuk tenaga yang boleh diperbaharui dan peningkatan kecekapan penggunaan tenaga, yang bertujuan menggalakkan dan mengekalkan daya saing syarikat Malaysia yang berhadapan dengan kenaikan kos tenaga dan kesedaran sosial yang lebih tinggi terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Ini juga selaras dengan matlamat yang lebih besar untuk mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mampan dari segi ekonomi dan alam sekitar. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sebanyak RM1.5 bilion disasarkan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam sektor tenaga, bangunan, pengurusan air dan bahan buangan, dan juga sektor pengangkutan. Dana Mudahcara pula menunjukkan komitmen Kerajaan yang berterusan dalam menyokong perkongsian awam-swasta sebagai cara perkongsian risiko yang berkesan selain penyediaan penyelesaian yang mampan dalam jangka panjang untuk pembiayaan projek pembangunan berskala besar dan berimpak tinggi. Bagi memastikan ketiga-tiga dana khas ini mencapai objektif masing-masing dan memberikan manfaat kepada industri yang berkenaan serta ekonomi secara keseluruhan, langkah proaktif diambil untuk meningkatkan penggunaan dana ini. Ini termasuk menimbulkan kesedaran dan pemahaman terhadap kesemua dana tersebut, penambahbaikan terhadap rangka kerja pengeluaran dana seperti keperluan pengesahan, dan mengendalikan program latihan untuk pihak berkepentingan yang berkenaan.

Skop Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) yang beroperasi semula pada Julai 2009, telah diperluas pada tahun

2010 untuk meningkatkan peranannya dalam membantu syarikat bermasalah. Kriteria kelayakan telah disemak untuk membolehkan kumpulan syarikat yang lebih besar mendapat manfaat daripada bantuan CDRC apabila wujud prospek yang syarikat berkenaan akan tetap berdaya maju selepas penyusunan semula. Berikutan keadaan ekonomi yang bertambah baik dan langkah awalan oleh institusi kewangan dalam menyusun dan menjadualkan semula kemudahan kredit, kebanyakan syarikat Malaysia boleh terus menjalankan perniagaan masing-masing tanpa perlu mendapatkan bantuan CDRC. Pada tahun 2010, CDRC hanya menerima 13 permohonan bantuan daripada syarikat bermasalah yang secara kolektif mempunyai hutang berjumlah RM2.2 bilion.

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) terus memainkan peranan penting dalam membantu syarikat untuk mendapatkan dana daripada pasaran bon pada kos yang munasabah, terutamanya dalam persekitaran sentimen pelabur yang lebih berhati-hati. Pada akhir tahun 2010, Danajamin meluluskan jaminan berjumlah RM4.6 bilion. Objektif jangka panjang Danajamin adalah untuk menyokong akses berterusan kepada pasaran bon untuk pelbagai penerbit bon, justeru menyumbang ke arah pembangunan selanjutnya pasaran modal domestik yang memberangsangkan dan komprehensif. Dalam usaha ini, Danajamin turut serta dalam pengaturan perkongsian risiko di bawah kemudahan bersindiket dengan institusi perbankan, dengan Danajamin menjamin instrumen yang tempoh matangnya lebih panjang, manakala bank pula memenuhi keperluan pembiayaan jangka sederhana. Penambahbaikan kredit yang disediakan oleh Danajamin pada tahun 2010 telah memberikan manfaat kepada banyak kumpulan penerbit daripada pelbagai industri dan sektor termasuk sektor harta benda, infrastruktur, perladangan, minyak dan gas, pembinaan, perkilangan, penerbangan dan tenaga.

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN

Pasaran bon Malaysia yang semakin maju dan memberangsangkan terus menjadi sumber pendanaan yang penting untuk syarikat. Pasaran bon telah berkembang dengan ketara daripada nilai terkumpul sebanyak RM306.8 bilion pada tahun 2001, kepada RM782.4 bilion atau 102.1% daripada KDNK pada tahun 2010. Ini telah menyumbang ke arah pewujudan sumber pembiayaan yang lebih pelbagai bagi ekonomi Malaysia, dengan pasaran sekuriti hutang korporat dan sukuk kini mencakupi 58.5% daripada jumlah pembiayaan syarikat pada akhir tahun 2010. Pada tahun 2001, pasaran sekuriti hutang korporat dan sukuk menyumbang sebanyak 46.4% daripada jumlah pembiayaan syarikat. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk membangunkan pasaran bon sejak tahun 1980an, bersama-sama dengan langkah yang dilaksanakan selepas krisis kewangan Asia tahun 1997, lantas menjadikan pasaran bon Malaysia sebagai pasaran bon terbesar di Asia Tenggara.

Bagi melengkapkan lagi pasaran bon, tumpuan yang lebih besar telah dijuruskan kepada pembangunan pasaran wang dan pertukaran asing yang lebih komprehensif dan berfungsi dengan baik. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan aspirasi untuk mewujudkan integrasi dan pengembangan serantau yang lebih luas, prospek pertumbuhan dan pembangunan selanjutnya dalam pasaran pertukaran asing Malaysia khususnya adalah sangat menggalakkan bagi merancakkan aktiviti perdagangan, menyokong pengurusan risiko yang lebih berkesan dan cekap, serta meningkatkan sumbangan sektor kewangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Pusing ganti harian purata, termasuk urus niaga swap, dalam pasaran pertukaran asing berkembang 49.6% sejak tahun 2007 lalu mencecah USD6.9 bilion pada tahun 2010. Peluasan dan peningkatan mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing adalah hasil daripada pembangunan instrumen kewangan baharu, liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing secara beransur-ansur untuk menggalakkan peningkatan kecekapan dalam pengendalian perdagangan antarabangsa dan memudahkan penggunaan mata wang domestik dalam penyelesaian perdagangan, serta penerimaan kemasukan peserta baharu ke dalam pasaran yang berupaya menyumbang kepada pembangunan pasaran pertukaran asing selanjutnya. Pada tahun 2010, syarikat broker elektronik asing diberikan kefleksibelan untuk membina platform pembrokeran elektronik bagi urus niaga borong antara bank di Malaysia. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kepelbagaian, kedinamikan dan daya saing pasaran pertukaran asing. Platform pembrokeran elektronik akan

meningkatkan ketelusan dan kecekapan pasaran di samping mengurangkan kos urus niaga peserta pasaran. Kefleksibelan ini, bersama-sama dengan kemasukan peserta pasaran kewangan global baharu, yang ditubuhkan sebagai bank perdagangan di Malaysia, akan menyumbang ke arah pembangunan pasaran pertukaran asing yang lebih teguh dan dinamik bagi menyokong transformasi ekonomi Malaysia.

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia kekal sebagai peneraju global dalam terbitan sukuk, dengan mencakupi 66% atau USD94 bilion daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir tahun 2010. Bursa Malaysia kini merupakan bursa penyenaraian sukuk terbesar di dunia dengan nilai sebanyak USD27.7 bilion pada akhir tahun 2010, jauh mengatasi mana-mana pusat kewangan antarabangsa terkemuka yang lain. Dimensi global pasaran sukuk Malaysia diperkukuh lagi dengan kehadiran dan minat berterusan penerbit dan pelabur asing, lantas menyaksikan kejayaan menerbitkan empat terbitan sukuk dalam denominasi mata wang asing yang berjumlah USD1.85 bilion dan SGD1.50 bilion pada tahun 2010.

Saling hubungan global dalam pasaran kewangan Islam Malaysia terus diperkukuh dengan penubuhan Indeks Syariah Kerajaan Bloomberg-AIBIM-Bursa Malaysia (Bloomberg-AIBIM-Bursa Malaysia Sovereign Shariah Index, BMSSI) pada Februari 2011 untuk dijadikan tanda aras pengukur prestasi sekuriti kerajaan dalam denominasi ringgit yang mematuhi Syariah. Indeks ini yang dibangunkan secara bersama oleh Persatuan Bank-bank Islam di Malaysia (Association of Islamic Banks in Malaysia, AIBIM), Bursa Malaysia dan Bloomberg, akan menggalakkan penentuan harga yang lebih cekap untuk pelabur yang ingin melabur dalam instrumen kewangan yang mematuhi Syariah, lantas merangsang inovasi produk dan pembangunan pasaran kewangan Islam seterusnya.

MENINGKATKAN SUMBANGAN KEWANGAN ISLAM DAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Kewangan Islam di Malaysia terus mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2010. Jumlah aset sektor perbankan Islam (termasuk IKP) berjumlah RM350.8 bilion pada akhir tahun 2010 dan mencatat peningkatan sebanyak 15.7% sejak akhir tahun 2009. Sektor perbankan Islam kini mencakupi lebih 20% daripada seluruh sistem perbankan dari segi aset, pembiayaan dan deposit. Dalam sektor takaful, aset meningkat sebanyak 17.8% pada tahun 2009 kepada RM14.7 bilion pada akhir tahun 2010. Aset takaful kini mencakupi 8.7% daripada jumlah aset industri insurans dan takaful.

Strategi untuk mendorong pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia terus memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan peserta, infrastruktur dan kepakaran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang semakin berkembang selain memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka.

Pada tahun 2010, Bank mengeluarkan empat lesen takaful keluarga baharu kepada usaha sama peserta global dan serantau dengan entiti domestik yang kukuh. Bilangan lesen yang dikeluarkan ini lebih banyak berbanding dengan pengumuman awal yang dibuat pada tahun 2009 untuk mengeluarkan dua lesen takaful keluarga baharu. Keputusan untuk menambah bilangan lesen itu mengambil kira minat yang sangat tinggi terhadap lesen baharu yang ditawarkan dan luasnya ruang potensi pertumbuhan yang masih belum diterokai dalam sektor takaful. Berdasarkan profil demografi Malaysia, usaha menjadikan potensi ini suatu kenyataan merupakan langkah yang sangat penting dalam meningkatkan kadar penembusan insurans dan takaful. Keempat-empat pengendali takaful keluarga baharu tersebut menawarkan cadangan nilai yang kukuh yang dijangka dapat mengembangkan industri takaful keluarga dengan ketara selain mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi kewangan Islam.

Penubuhan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang peringkat tinggi pada tahun 2010 untuk mengkaji semula, menyeragamkan dan mengukuhkan lagi infrastruktur undang-undang bagi memudahkan pengendalian kewangan Islam telah memantapkan lagi peranan kepimpinan Malaysia dalam membangunkan dan mengekalkan asas yang kukuh untuk pembangunan kewangan Islam. Jawatankuasa ini diketuai oleh Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara, dan mempunyai keahlian yang pelbagai yang dipilih dari kalangan penjawat awam, pihak berkuasa kawal selia, pengamal kewangan Islam yang berpengalaman dan cendekiawan kewangan Islam. Jawatankuasa ini mempunyai mandat untuk mengesyorkan

pembaharuan undang-undang yang akan memajukan lagi pembangunan kewangan Islam dan membolehkan kontrak kewangan Islam dalam negeri lebih teguh dan boleh dikuatkuasakan. Ini dijangka boleh meletakkan undang-undang Malaysia sebagai undang-undang pilihan dalam urus niaga kewangan Islam antarabangsa dan rujukan bagi penyelesaian pertikaian yang berkaitan dengan urus niaga kewangan Islam merentas sempadan.

Strategi untuk mendorong pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia terus memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan peserta, infrastruktur dan kepakaran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang semakin tinggi selain memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka

Kejayaan besar telah dicapai dalam memenuhi keperluan pengurusan mudah tunai global institusi kewangan Islam melalui penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM). Inisiatif ini menandakan kejayaan kerjasama antara 12 bank pusat dan agensi kawal selia, serta dua institusi pelbagai hala dalam menubuhkan perbadanan yang akan menjadi sebahagian daripada infrastruktur Islam antarabangsa untuk menerbitkan instrumen berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam global. IILM telah ditubuhkan pada Oktober 2010 semasa Forum Kewangan Islam Global (GIFF) kedua dengan Bank sebagai tuan rumahnya. GIFF telah menjadi acara antarabangsa yang penting dalam kalendar kewangan Islam, yang mempertemukan pengawal selia, cendekiawan Syariah dan peserta pasaran kewangan yang menjadi pemacu utama dalam membentuk acuan kewangan Islam di seluruh dunia. Keterangan yang lebih terperinci tentang IILM terkandung dalam rencana ``*Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa: Meningkatkan Pengurusan Mudah Tunai Islam Global*´´.

Bank telah bertahun-tahun meneruskan pelbagai usaha untuk meningkatkan lagi pemahaman industri tentang Syariah dan juga menangani isu penggunaan hukum Syariah dalam kewangan Islam. Ini termasuk penubuhan Dana untuk Cendekiawan Syariah dalam Kewangan Islam berjumlah RM200 juta pada Jun 2005. Pada tahun 2010, dana itu telah menyokong aktiviti penambahan tenaga mahir, penyelidikan dan ilmu kewangan Islam, termasuk pemberian biasiswa untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kewangan Islam. Dana itu juga menyokong usaha untuk menterjemah kertas kerja dan penerbitan *fiqh muamalat* antarabangsa yang terpilih dengan matlamat untuk mendalamkan lagi ilmu dan kepakaran dalam bidang kewangan Islam. Pada tahun 2010, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dengan bantuan dana tersebut telah menerbitkan terjemahan dalam bahasa Inggeris *Qawa'id al-Ahkam fi Islah al-Anam (Rules of the Derivation of Laws for Reforming the People)*, yang digunakan sebagai satu daripada rujukan utama dalam jurisprudens Syariah. Penerbitan Parameter Syariah terus berfungsi sebagai panduan dan rujukan dalam amalan terbaik Syariah untuk beberapa urus niaga kewangan Islam. Pada tahun 2010, dua kertas konsep bagi kontrak *mudharabah* dan *musharakah* telah diterbitkan sebagai sebahagian daripada usaha ini. Edisi kedua *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, yang mendokumenkan semua hukum Syariah yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah antara tahun 1997 hingga 2010, telah diterbitkan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan pemahaman lebih mendalam mengenai hukum Syariah. Dijangkakan semua usaha ini akan menyumbang ke arah memperkukuh peranan Malaysia sebagai pusat rujukan Syariah global dalam kewangan Islam, khususnya dalam mentakrifkan amalan urus niaga kewangan Islam pada peringkat antarabangsa.

Usaha juga telah diambil untuk memantapkan profesion penasihat Syariah pada tahun 2010. Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA)

Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa: Meningkatkan Pengurusan Mudah Tunai Islam Global

Cabaran semasa dalam pengurusan mudah tunai Islam

Krisis kewangan global yang berlaku baru-baru ini menegaskan betapa pentingnya amalan pengurusan risiko mudah tunai yang teguh dalam institusi kewangan dan struktur pasaran kewangan yang kukuh yang mampu menyokong keperluan mudah tunai agregat sistem kewangan.

Bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam (institutions offering Islamic financial services, IIFS), penawaran instrumen yang mematuhi prinsip Syariah, yang terhad di banyak negara terus memberikan cabaran besar terhadap pengurusan mudah tunai yang cekap dan mantap. Memandangkan permintaan terhadap instrumen ini yang terus mengatasi penawaran pada peringkat nasional dan global, urus niaga instrumen tersebut di pasaran sekunder masih melibatkan kos urus niaga yang tinggi dan spread bida-tawar yang besar, manakala jumlah transaksi masih rendah. Malah, instrumen standard bagi pengurusan mudah tunai seperti instrumen berasaskan komoditi *murabahah* dianggap tidak mudah ditunaikan (illiquid) berikutan kesukaran untuk menukarkan dagangan komoditi asas kepada tunai sebelum tempoh matang instrumen tersebut. Hal ini menyebabkan penambahan kos pembrokeran komoditi yang berkaitan dengan urus niaga mudah tunai jangka pendek. Di sebahagian besar pasaran yang IIFS beroperasi, penawaran instrumen boleh niaga dan instrumen kerajaan yang boleh dipegang untuk tujuan mudah tunai juga terhad. Gabungan pertimbangan penawaran dan kos ini menyebabkan kebanyakan IIFS memegang wang tunai yang terlalu banyak demi memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek masing-masing dan mengurangkan risiko ketakpadanan mudah tunai. Seiring dengan perkembangan kewangan Islam sebagai komponen yang semakin penting dalam sistem kewangan global, usaha menangani kekangan yang menghalang amalan pengurusan mudah tunai yang berkesan adalah amat penting bukan sahaja untuk menyokong pembangunan kewangan Islam, tetapi yang lebih mustahak adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan global.

Penubuhan Bursa Suq Al-Sila` (BSAS) di Kuala Lumpur pada Ogos 2009 sebagai platform komoditi *murabahah* antarabangsa merupakan inisiatif utama untuk memperkukuh infrastruktur pengurusan mudah tunai Islam. BSAS merupakan platform dagangan komoditi pelbagai mata wang yang mematuhi prinsip Syariah sepenuhnya yang pertama di dunia, khusus untuk memudah cara transaksi pembiayaan Islam berasaskan komoditi dan transaksi pelaburan dalam pasaran wang Islam. Dengan ini, BSAS akan meningkatkan keupayaan pengurusan mudah tunai dan risiko peserta dalam pasaran kewangan Islam pada peringkat antarabangsa.

Di samping mengurangkan risiko berkaitan dengan perundangan, pasaran dan rakan niaga, BSAS menawarkan instrumen tambahan kepada peserta industri untuk menguruskan aset dan liabiliti masing-masing selain menggalakkan pembangunan produk pembiayaan dan pelaburan baharu yang diterima pada peringkat global.

Penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa

Pada peringkat global, pembangunan infrastruktur pengurusan mudah tunai Islam telah diperkukuh lagi dengan tertubuhnya Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM). Idea penubuhan IILM tercetus hasil cadangan Pasukan Petugas Peringkat Tinggi mengenai Pengurusan Mudah Tunai (High Level Task Force on Liquidity Management) yang dibentuk oleh Majlis Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board Council) pada Mac 2009.

IILM yang ditubuhkan secara rasmi pada 25 Oktober 2010 merupakan suatu kejayaan besar dalam pembangunan industri kewangan Islam global berikutan peranan pentingnya dalam memudah cara pengurusan mudah tunai Islam merentas sempadan. Kepentingannya dalam landskap kewangan Islam global diperkukuh menerusi kerjasama rapat bank pusat yang menjadi tunggak operasi IILM dalam menangani isu asas utama yang dihadapi industri, iaitu kekurangan instrumen

mudah tunai jangka pendek bagi IIFS dan ketiadaan infrastruktur pengurusan mudah tunai yang teguh. Anggota IILM ketika ini terdiri daripada 12 bank pusat dan pihak berkuasa pengawalseliaan serta dua institusi pembangunan multilateral. Keanggotaan dalam IILM terbuka kepada bank pusat, pihak berkuasa monetari, pihak berkuasa pengawalseliaan kewangan, kementerian atau agensi kerajaan yang mengawal selia sektor kewangan dan organisasi multilateral yang berkenaan.

IILM akan menambah baik pengurusan mudah tunai merentas sempadan dalam kalangan IIFS melalui terbitan instrumen kewangan jangka pendek berkualiti tinggi yang mematuhi prinsip Syariah, dalam mata wang rizab utama secara berterusan dan cekap kos. Matlamat utamanya adalah untuk menyokong peningkatan integrasi pasaran wang dan modal Islam antarabangsa serta kecekapan pengantaraan dana merentas sempadan. Pelbagai instrumen antara bank bergred tinggi yang mematuhi prinsip Syariah akan diterbitkan, disokong oleh penubuhan platform pengurusan mudah tunai untuk memudahkan pembangunan pengurusan mudah tunai Islam domestik dan global di pelbagai negara. IILM juga akan menawarkan khidmat nasihat dan sokongan teknikal dalam pembangunan kebolehupayaan pengurusan mudah tunai Islam dalam kalangan IIFS dan negara anggota. Ini seterusnya akan meningkatkan keupayaan IIFS untuk mengambil bahagian dalam operasi pengurusan mudah tunai antarabangsa.

Bersandarkan keteguhan pemegang saham IILM, instrumen yang diterbitkan oleh IILM juga akan menyumbang kepada pembesaran kumpulan cagaran yang layak untuk urus niaga antara bank dan/atau pembiayaan bank pusat, di samping urus niaga pasaran sekunder dalam kalangan IIFS di dalam dan merentas pelbagai negara. Dalam tempoh jangka sederhana, IILM dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur pada peringkat antarabangsa bagi peminjaman dan pemberian pinjaman bercagar, serta pembentukan dokumentasi standard untuk memudahkan urus niaga instrumen tersebut. Selain itu, dengan meningkatnya keupayaan IIFS untuk menguruskan kejutan mudah tunai seiring dengan peredaran masa, potensi pengurangan ketara dalam pemegangan tunai oleh IIFS juga akan menjana pulangan yang lebih baik kepada pelabur.

Di samping menggalakkan pengantaraan dana merentas sempadan yang lebih cekap dan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang lebih baik dalam kalangan IIFS, IILM akan menyediakan platform bagi interaksi dan jalinan kerjasama dalam kalangan bank pusat dan pihak berkuasa pengawalseliaan berhubung dengan pembangunan dan perkembangan amalan dalam pengurusan mudah tunai Islam. Ini seterusnya akan memupuk kerjasama serantau dan antarabangsa yang lebih erat dalam menyokong pembangunan pasaran kewangan Islam selanjutnya.

Malaysia, sebagai negara tuan rumah bagi IILM, telah menggubal undang-undang khusus bagi penubuhan IILM yang membolehkan entiti ini mendapat keistimewaan dan kekebalan seperti yang diberikan kepada organisasi supranasional. Kedudukan ini akan mengukuhkan prospek IILM untuk memikul peranan penting dalam pembangunan kewangan Islam sebagai komponen penting dan berdaya maju dalam sistem kewangan antarabangsa. IILM memainkan peranan utama dalam membentuk landskap masa hadapan industri kewangan Islam global melalui sumbangannya kepada pembangunan pasaran kewangan Islam merentas sempadan yang lebih cekap lagi dinamik dan kestabilan kewangan secara keseluruhannya.

sedang dalam proses menubuhkan Persatuan Penasihat Syariah (Association of Shariah Advisors, ASAS), yang akan menjadi badan pengawal selia amalan dan penggubal kod etika penasihat Syariah. ASAS juga dijangka memainkan peranan untuk mentauliahkan penasihat Syariah dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap kelayakan dan profesionalisme penasihat Syariah. Selain itu, ISRA juga terus menjalankan usaha untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan penasihat dan cendekiawan Syariah merentas sempadan, ke arah pengiktirafan bersama terhadap pandangan Syariah supaya aktiviti kewangan Islam antarabangsa boleh menjadi lebih giat lagi.

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) yang merupakan universiti kewangan Islam global di Malaysia, terus melahirkan ahli profesional kewangan Islam yang berkelayakan pada tahun 2010 dengan 74 penuntut dari 10 negara, termasuk Afghanistan, India dan United Kingdom, berjaya mendapat kelayakan Profesional Kewangan Islam Berkanun (CIFP), dan tujuh pelajar dari negara-negara termasuk India, Indonesia dan Nigeria, menjadi kumpulan graduan sulung bagi Ijazah Sarjana Kewangan Islam. Berdasarkan ciri global kewangan Islam, INCEIF sejak beberapa tahun ini telah mengukuhkan kerjasamanya dengan institusi asing dan dalam negeri, termasuk memeterai memorandum persefahaman (memorandum of understanding, MoU) dengan empat institusi pengajian tinggi Jordan dan Indonesia pada tahun 2010. Dengan lebih 50 pengaturan kerjasama telah dimeterai oleh INCEIF dengan pelbagai institusi di seluruh dunia, kerjasama lebih baik dan pemanfaatan silang (cross-leveraging) bidang kekuatan dalam kalangan penyedia pendidikan dan latihan kebangsaan dan antarabangsa dijangka dapat melahirkan lebih banyak penyelidik dan pengamal kewangan Islam berkualiti tinggi merentas negara. Usaha pembangunan modal insan ini dilengkapkan lagi dengan langkah menggalakkan kemasukan ekspatriat yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kewangan Islam supaya dapat menyumbang kepada pembangunan industri kewangan Islam. Melalui kerjasama oleh Bank dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia, pas pekerjaan khas untuk ekspatriat kewangan Islam telah diperkenalkan pada September 2010, lantas memberikan tempoh memegang jawatan yang lebih panjang dan kefleksibelan yang berbeza, dengan dua matlamat iaitu untuk menarik tenaga mahir kewangan Islam asing datang ke Malaysia dan seterusnya membolehkan industri kewangan Islam Malaysia menggunakan kepakaran tenaga mahir tersebut dengan lebih baik.

MENINGKATKAN SALING HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN EKONOMI SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Institusi kewangan Malaysia makin jauh mengorak langkah pada peringkat serantau pada tahun 2010. Enam kumpulan perbankan domestik kini beroperasi di 19 buah negara di seluruh dunia, lantas menjana jumlah aset sebanyak RM250 bilion dan keuntungan hampir RM2 bilion pada akhir tahun 2010. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sembilan bank pelaburan kendiri, syarikat insurans dan insurans semula serta pengendali takaful Malaysia telah meluaskan operasi ke luar negeri melalui pemerolehan atau penubuhan anak syarikat atau jalinan usaha sama. Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi pertumbuhan jangka panjang mereka untuk mempelbagaikan sumber pendapatan selain untuk merebut peluang perniagaan baharu. Beberapa institusi kewangan Malaysia berjaya menempa nama sebagai peserta serantau yang terkemuka dan berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan keseluruhan negara-negara yang diterokai. Sejajar dengan kehadiran bank-bank Malaysia yang semakin ketara di rantau ini, Bank memperkukuh lagi hubungan dua halanya dengan bank-bank pusat di rantau ini. MoU baharu dengan Bank Indonesia, National Bank of Cambodia dan State Bank of Vietnam ditandatangani pada tahun 2010. MoU dua hala turut dimeterai dengan Australian Treasury, Banque de France, Central Bank of Nigeria dan Bank of Mauritius untuk memupuk pembangunan strategik jangka panjang dalam kewangan konvensional dan kewangan Islam antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Pengaturan dua hala ini memperteguh pengembangan rangka kerjasama Bank dengan pihak berkuasa kawal selia serantau dan di negara lain, merangkumi kerjasama dalam bidang penyeliaan perbankan merentas sempadan, integrasi kewangan serantau, pembangunan infrastruktur pasaran kewangan, serta bina upaya dan pembangunan modal insan. Melangkah ke hadapan, kerjasama sebegini dijangka semakin erat berikutan kehadiran bank-bank Malaysia

yang makin ketara di pasaran serantau, selain perkembangan pesat kewangan Islam pada peringkat global.

Beberapa institusi kewangan Malaysia berjaya menempa nama sebagai peserta serantau yang terkemuka dan banyak menyumbang kepada pembangunan keseluruhan negara-negara yang diterokai

Pelaksanaan rancangan liberalisasi yang diumumkan pada April 2009 yang menawarkan lesen perbankan perdagangan dan takaful keluarga baharu kepada peserta yang layak merupakan perkembangan penting pada tahun 2010. Susulan proses penilaian yang rapi, lima lesen bank perdagangan baharu telah diberikan kepada institusi kewangan asing yang mempunyai kepakaran, rangkaian global dan kapasiti perniagaan yang kukuh, agar dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan kepelbagaian sistem kewangan Malaysia di masa hadapan, selain menyokong bidang pertumbuhan ekonomi baharu dan memudahkan aliran perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Daripada 20 bank perdagangan asing, termasuk bank baharu di Malaysia, lebih separuh daripadanya berasal dari negara-negara di Asia, lantas menandakan rantau Asia kini semakin penting dalam landskap ekonomi global. Bank asing sedia ada yang diperbadankan di Malaysia turut meraih manfaat daripada kefleksibelan operasi yang diberikan kepada mereka untuk menubuhkan cawangan baharu di Malaysia. Sehubungan dengan itu, empat institusi perbankan asing telah mendapat kelulusan untuk membuka 12 cawangan baharu di seluruh negara setakat ini. Perkembangan ini telah menyumbang ke arah meluaskan jangkauan dan kedalaman sektor kewangan Malaysia selain meningkatkan daya saingnya.

Memandangkan rantau ini kini semakin bersepadu, rangka kerja serantau yang kukuh bagi kerjasama dalam bidang pengawasan, penyeliaan, pengurusan dasar dan krisis telah menjadi lebih penting. Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai, iaitu pengaturan swap mata wang multilateral yang merangkumi semua negara anggota ASEAN, dan juga Republik Rakyat China, Jepun, Korea dan Hong Kong SAR, mula berkuat kuasa pada 24 Mac 2010. Perjanjian ini bertujuan menyediakan sokongan kewangan untuk menangani masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek rantau ini melalui urus niaga swap mata wang yang pantas dan serentak dalam kalangan peserta. Sebuah unit pengawasan serantau bebas akan ditubuhkan, mencerminkan komitmen padu anggotanya terhadap perjanjian ini, bagi meningkatkan lagi keupayaan rantau ini bertindak balas terhadap risiko kemerosotan dan cabaran dalam ekonomi global, sambil pada masa yang sama mengekalkan kestabilan kewangan.

MENERUSKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada tahun 2010, usaha menggalakkan pengaturan keinstitusian yang mantap demi memenuhi keperluan pembangunan modal insan dalam sektor kewangan terus menjadi keutamaan yang penting.

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) telah memainkan peranan penting dalam membekalkan industri perkhidmatan kewangan dengan siswazah yang mempunyai set kompetensi dan kemahiran yang perlu untuk bekerja dalam industri melalui kombinasi pengajaran dalam bilik darjah dan latihan praktikal di institusi kewangan. Sukatan pelajaran, reka bentuk dan penyampaian program FSTEP yang telah disemak dilancarkan pada Julai 2010 untuk memastikan programnya terus relevan dan mengambil kira ciri perubahan dalam industri perkhidmatan kewangan. Program yang ditambah baik ini mampu memperdalam pemahaman peserta tentang industri kewangan dan operasinya dari aspek praktikal, dan dengan itu membolehkan mereka memainkan peranan bermakna dalam industri. Sehingga kini, 784 peserta telah mendapat manfaat daripada FSTEP, dengan lebih daripada 99% berjaya mendapat pekerjaan.

Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance, AIF) terus mencapai kemajuan pada tahun 2010. Ditubuhkan pada tahun 2009, AIF bertujuan untuk melengkap dan mempertingkat kapasiti institusi latihan sektor kewangan bagi

meningkatkan kecekapan dan kemahiran profesional dalam perbankan, insurans, sekuriti dan industri perkhidmatan kewangan Islam bagi memenuhi persekitaran operasi yang lebih mencabar dan kompleks. Pada tahun lepas, usaha AIF difokuskan untuk menyediakan sistem sokongan bagi pembangunan kapasiti, melaksanakan inisiatif pembangunan kapasiti, memudahkan pelaksanaan standard yang lebih tinggi untuk program pembelajaran, penubuhan infrastruktur pembelajaran perkongsian, dan mempromosi AIF dan institusi-institusi latihan sebagai penyedia perkhidmatan utama kepada penyelesaian latihan yang menyeluruh untuk industri perkhidmatan kewangan. Penambahbaikan yang berterusan telah diusahakan terhadap kualiti dan reka bentuk program melalui pembangunan penilaian program pembelajaran, rangka kerja akreditasi dan pelaksanaan proses jaminan kualiti. Usaha meletakkan AIF sebagai institusi pembangunan modal insan yang terkemuka di rantau ini terus dipertingkat melalui kerjasama yang kukuh dengan institusi domestik dan antarabangsa serta pusat-pusat penyelidikan.

Bagi pengarah, program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE) terus menyediakan asas yang kukuh untuk melahirkan ahli lembaga pengarah yang lebih berkesan selain untuk menggalakkan amalan tadbir urus yang lebih baik di seluruh industri kewangan. Maklumat lanjut tentang program ini terkandung dalam rencana khas ``*Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan di bawah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF*´´ dalam Bab 3 Laporan ini.

Inisiatif pembangunan modal insan bagi industri perkhidmatan kewangan sesungguhnya merupakan satu kemestian. Namun keupayaan komuniti pengawalseliaan yang dipertingkat secara berterusan agar mampu bergerak seiring dengan kemajuan dalam sektor kewangan juga sama penting. Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South-East Asian Central Banks, SEACEN), bertempat di Kuala Lumpur, memainkan peranan penting dalam menyediakan program bina upaya yang boleh diterapkan secara praktikal dalam perbankan pusat, termasuk program yang khusus untuk pengawal selia. Sejajar dengan aspirasi pusat ini untuk menjadi hab pendidikan serantau bagi bank-bank pusat di rantau Asia Pasifik, SEACEN berazam menarik lebih banyak penyertaan bank-bank pusat dari dalam dan luar rantau ini menerusi platform pembelajaran dan rangkaiannya, dan memupuk kerjasama dan perbincangan lebih kerap mengenai isu-isu bank pusat untuk membentuk pandangan serantau. Pada Januari 2011, The People's Bank of China menjadi anggota SEACEN ke 17, lantas memperkukuh identiti SEACEN sebagai kumpulan perbankan pusat paling inklusif di rantau ini.

MENGEKALKAN INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT) Malaysia bercirikan rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan kukuh yang sejajar dengan piawaian antarabangsa, langkah pencegahan yang terpakai bagi institusi kewangan dan perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan, infrastruktur risikan kewangan yang menyeluruh untuk menyokong analisis dan penyiasatan, dan pengaturan kerjasama yang erat antara agensi dalam negeri dan antarabangsa bagi menyokong usaha bina upaya, pengawasan dan penguatkuasaan.

Sejak pembentukan rangka kerja AML/CFT di Malaysia, usaha terus digembleng untuk memastikan rangka kerja ini terus mampu dan berkesan untuk membanteras ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berubah-ubah. Pada tahun 2010, inisiatif diambil untuk terus memperteguh pelaksanaan dan tumpuan strategik usaha AML/CFT. Ini bertujuan menyokong hasil berimpak tinggi, penggunaan sumber yang lebih optimum dan pemantauan yang lebih baik terhadap langkah AML/CFT. Pelan Strategik AML/CFT Kebangsaan 2010-2012 akan menjadi kaedah strategik untuk menggalakkan pelaksanaan usaha AML/CFT yang terfokus, melalui inisiatif berasaskan hasil dalam enam bidang tumpuan: (i) pelaksanaan langkah pencegahan yang berkesan untuk institusi pelapor, (ii) penyelesaian siasatan dan pendakwaan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang tepat pada masanya, (iii) pengukuhan rangka kerja undang-undang, (iv) pembentukan kumpulan pakar pengamal AML/CFT yang lebih besar, (v) pengurusan aset disita dan dirampas yang berkesan, dan (vi) peningkatan ketampakan (visibility) dan kesedaran tentang kewujudan inisiatif AML/CFT di negara ini dan serantau. Tunggak teras bagi pelan strategik tersebut ialah

persetujuan bersama pihak berkepentingan yang relevan untuk menyokong bidang tumpuan melalui usaha yang diselaraskan dengan baik dan sejajar dengan matlamat keseluruhan, iaitu mengekalkan integriti sistem kewangan.

Pelan Strategik AML/CFT Kebangsaan 2010-2012 memberi tumpuan kepada usaha yang diselaraskan dengan baik dan sejajar dengan matlamat keseluruhan, iaitu mengekalkan integriti sistem kewangan

Rejim undang-undang dan pengawalseliaan yang mengawal industri pengurupan wang dan perkhidmatan kiriman wang turut melalui pembaharuan penting bagi menggalakkan pembangunan dan pemodenan industri yang teratur serta memperkukuh pertahanannya terhadap aktiviti haram. Penggubalan undang-undang ini yang telah dimuktamadkan akan dibentangkan pada persidangan Parlimen tahun ini. Butir-butir lanjut mengenai pembaharuan yang dicadangkan dan landskap baharu yang dihasratkan bagi industri pengurupan wang dan perkhidmatan kiriman wang dihuraikan dalam rencana ``*Memodenkan Industri Pengurupan dan Perkhidmatan Kiriman Wang*´´.

MENGGALAKKAN SISTEM KEWANGAN YANG INKLUSIF

Dasar pembangunan sektor kewangan yang mengiktiraf manfaat sosial dan ekonomi yang diraih daripada sistem kewangan yang inklusif, berjaya membantu pertumbuhan negara secara yang seimbang. Komitmen terhadap sistem kewangan inklusif ini termaktub dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, yang menetapkan bahawa salah satu fungsi utama Bank Negara Malaysia ialah menggalakkan sistem kewangan yang teguh, progresif dan inklusif. Agenda kewangan inklusif Bank dinyatakan melalui lima komponen utama – akses dan jangkauan kewangan yang meluas, pembiayaan mikro untuk membolehkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi yang produktif, alat kewangan untuk memenuhi keperluan harian, mekanisme perlindungan kewangan untuk menghadapi situasi kecemasan, dan akses kepada maklumat, pendidikan dan bantuan pengguna.

Hasil penting agenda kewangan inklusif Bank ialah jangkauan perkhidmatan kewangan yang lebih luas di seluruh negara dengan menghapuskan halangan geografi kepada akses kewangan. Khususnya, bertambahnya operasi lebih banyak institusi kewangan di kawasan terpencil dan luar bandar adalah penting untuk memastikan semua golongan masyarakat dapat menikmati sistem kewangan formal dan menjalankan urus niaga kewangan dengan selamat, terjamin dan mudah. Usaha giat juga telah diambil pada tahun 2010 untuk menyediakan perkhidmatan perbankan di setiap daerah di Malaysia, dan ini turut disokong komitmen oleh pihak institusi kewangan untuk membuka cawangan di daerah yang masih belum mempunyai perkhidmatan kewangan di Sabah dan Sarawak. Rancangan ini kini sedang berjalan lancar dan akan menyediakan perkhidmatan kewangan yang asas di semua daerah di Malaysia pada tahun 2011. Institusi perbankan juga diberikan lebih fleksibiliti untuk memanfaatkan jangkauan pihak ketiga semasa menyediakan perkhidmatan kewangan asas. Hingga kini, dua kumpulan perbankan telah mengadakan pengaturan strategik dengan Pos Malaysia Berhad untuk menyediakan perkhidmatan perbankan, termasuk simpanan dan pengeluaran tunai, pembayaran balik pinjaman, pembukaan akaun simpanan dan pengiriman wang, untuk orang ramai melalui rangkaian perkhidmatan pos yang meluas di seluruh negara. Lebih 300 lokasi disasarkan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan perkongsian sepanjang tahun 2011.

Rangka kerja Pembiayaan Mikro yang diperkenalkan pada tahun 2006 untuk menyediakan akses kepada pembiayaan tanpa cagaran kepada usahawan mikro setakat ini mencatat kemajuan yang menggalakkan dalam tahun-tahun yang lalu. Pembiayaan Mikro kini ditawarkan oleh 10 institusi kewangan peserta dengan jumlah pembiayaan mikro terkumpul mencecah RM775.9 juta dan memberi manfaat kepada lebih daripada 66,000 pelanggan pada akhir tahun 2010. Tinjauan penyelidikan pasaran pada tahun 2010 akan menyokong usaha promosi yang mempunyai sasaran tertentu dan lebih efektif bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan usahawan mikro

Memodenkan Industri Pengurupan dan Perkhidmatan Kiriman Wang

Dengan dibantu oleh kemajuan teknologi, industri pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang pada peringkat global telah mencapai pertumbuhan yang nyata sepanjang dekad yang lalu dari segi saiz, kecanggihan dan bilangan peserta yang mempunyai kesalinghubungan global dan operasi yang maju. Jumlah urus niaga pengurupan dan kiriman wang dalam negara turut meningkat seiring dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi. Hal yang demikian seterusnya telah mendorong akses dan permintaan terhadap perkhidmatan pengurupan dan kiriman wang sambil pada masa yang sama meningkatkan keperluan bagi pengendali untuk memastikan keselamatan, jaminan dan integriti aktiviti ini.

Sejajar dengan perkembangan ini, Bank Negara Malaysia telah memulakan penilaian yang komprehensif terhadap rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan bagi perniagaan perkhidmatan pengurupan dan kiriman wang di Malaysia, dengan tujuan memodenkan dan meningkatkan status semasa industri ini. Penilaian tersebut juga bertujuan memastikan bahawa perlindungan yang perlu, diwujudkan dan dilaksanakan dengan berkesan untuk memelihara integriti industri daripada risiko pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram.

Hasil daripada penilaian tersebut, landskap industri yang baharu dihasratkan untuk menggalakkan pembangunan industri pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang di Malaysia secara teratur dan profesional, di bawah sebuah rangka kerja yang lebih kohesif, sambil pada masa yang sama mewajarkan rejim pengawalseliaan untuk dilaksanakan kepada industri pengurupan wang, perkhidmatan kiriman wang dan perniagaan borong mata wang asing yang buat masa ini diperuntukkan di bawah tiga perundangan berasingan, iaitu Akta Pengurupan Wang 1998, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Langkah ini akan merintis jalan ke arah perkembangan industri yang lebih dinamik dan berkesan dengan ciri-ciri yang berikut:

- Fleksibiliti perniagaan yang lebih luas bagi peserta yang berkelayakan dalam industri, termasuk keupayaan untuk menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan dalam satu entiti, dengan demikian menggalakkan sinergi yang lebih jitu antara aktiviti ini dengan ekonomi mengikut bidangan;

- Keperluan pengawalseliaan yang terbeza, berdasarkan sifat, skala dan kerumitan perniagaan sesuatu entiti; dan

- Perlindungan yang diperteguh untuk menggalakkan pengurusan industri yang profesional lagi mantap.

Fleksibiliti perniagaan yang lebih luas

Sejajar dengan matlamat memupuk keberkesanan dan kecekapan yang lebih mantap dalam perniagaan pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang selain membantu pembangunannya yang teratur, peserta yang layak akan diberi lebih fleksibiliti untuk menyediakan kedua-dua perkhidmatan pengurupan dan kiriman wang dalam satu entiti tunggal. Hal yang demikian mengiktiraf sinergi antara perniagaan pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang dan dijangka bukan sahaja dapat memperluas sumber hasil pengendali, tetapi juga menggalakkan penggunaan saluran kiriman wang yang formal dengan membenarkan pengurup wang sedia ada menyediakan perkhidmatan kiriman wang. Pertimbangan juga akan diberikan untuk membolehkan pemborong yang layak menjalankan operasi runcit, bagi membolehkan mereka memperoleh sinergi yang lebih jitu daripada aktiviti huluan dan hiliran. Had pemegangan mata wang asing dan had kiriman wang yang sedia ada yang masing-masingnya dikenakan terhadap syarikat pengurup dan pengirim wang, juga sedang dikaji untuk membolehkan peserta yang mempunyai pengurusan yang mantap mencapai skala yang lebih besar dan memperluas penawaran produk mereka. Fleksibiliti tambahan sedemikian yang diberikan kepada peserta yang layak yang memenuhi prasyarat, akan meningkatkan kapasiti industri untuk melengkapkan sektor perbankan dalam menyediakan rangkaian perkhidmatan yang komprehensif kepada pelanggan dalam tempoh jangka panjang.

Keperluan pengawalseliaan yang terbeza

Rangka kerja baharu yang disyorkan akan memberikan fleksibiliti di bawah rejim pengawalan dan penyeliaan yang lebih seimbang dan terbeza, yang memperuntukkan pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan berdasarkan sifat, skala dan kerumitan sesebuah entiti perniagaan. Selaras dengan rejim sedemikian, kuasa penguatkuasaan lebih luas dihasratkan bagi mencapai matlamat Bank menggalakkan amalan yang kukuh dan bertanggungjawab dalam kalangan peserta industri selain menyokong tindakan awal untuk berhadapan dengan ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap keperluan kawal selia, yang berkemungkinan menjejaskan integriti dan keyakinan terhadap industri.

Perlindungan yang diperteguh untuk menggalakkan pengurusan yang profesional dan mantap

Pengaturan pengawasan yang dipacu oleh keperluan tadbir urus, kendalian dan kawalan yang berkesan bagi pengendalian perniagaan yang mantap adalah penting bagi mewujudkan industri yang berkesan dan dinamik. Hal yang demikian penting untuk menyediakan asas yang kukuh bagi landskap perniagaan pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang yang lebih moden dan lebih dinamik. Selaras dengan industri lain yang dikawal selia dalam sektor kewangan, syarat kelayakan yang ketat serta keperluan dan penilaian yang bersesuaian akan diperkenalkan kepada pemegang saham, pengarah dan pengurus, untuk memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar mempunyai integriti yang tinggi, kompetensi dan pengalaman sahaja dibenarkan untuk beroperasi dalam industri ini. Tumpuan utama akan diberikan terhadap usaha membina keupayaan dan kemampuan kewangan peserta dalam industri tersebut untuk mewujudkan dan melaksanakan dengan berkesan pengaturan tadbir urus dan operasi yang mantap selain menyediakan mekanisme kawalan dalaman, khususnya untuk pematuhan terhadap AML/CFT.

Kesimpulan

Landskap baharu untuk industri pengurupan dan perkhidmatan kiriman wang akan menyediakan asas yang lebih kukuh bagi pertumbuhan yang teratur dan pembangunan industri selanjutnya. Yang penting, hal yang demikian akan disokong oleh rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang lebih mantap dan responsif yang akan melindungi integriti sistem kewangan Malaysia daripada ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, dan pada masa yang sama meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Perundangan yang akan merintis jalan bagi perubahan ini dijangka berkuat kuasa pada tahun 2011.

tentang penyediaan kemudahan pembiayaan di bawah Pembiayaan Mikro.

Agenda kewangan inklusif Bank dinyatakan melalui akses dan jangkauan kewangan yang meluas, pembiayaan mikro, alat kewangan untuk memenuhi keperluan dan menghadapi situasi kecemasan, dan akses kepada maklumat, pendidikan dan bantuan pengguna

Rangka kerja Pembiayaan Mikro akan dilengkapi dengan Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (1Malaysia Micro Protection Plan, 1MMPP), yang kini dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan oleh industri insurans dan takaful. 1MMPP menyediakan jaring keselamatan kewangan untuk usahawan mikro dan individu yang mengendalikan perniagaan kecil bagi menghadapi sebarang kejadian di luar jangkaan, seperti kematian atau kehilangan upaya pencari nafkah, dan kerosakan atau kerugian harta benda akibat kemalangan, banjir dan kebakaran. Sebagai permulaan, 1MMPP akan menyediakan perlindungan insurans dan takaful untuk kematian dan kehilangan upaya, kemalangan diri, rawatan di hospital dan perlindungan harta benda daripada bencana alam. Akses kepada skim ini akan dibantu oleh piawaian dan proses pengunderaitan yang mudah, jangkauan yang meluas melalui bank dan IKP, dan kadar premium yang mampu dibayar, iaitu kadar minimum kurang daripada RM20 sebulan.

Usaha memastikan akses kepada rumah mampu milik menjadi semakin mencabar ekoran proses perbandaran yang berkembang pesat dan kos sara hidup yang meningkat di pusat bandar. Cabaran ini terutamanya amat besar bagi segmen penduduk miskin di kawasan bandar yang menggunakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk membayar sewa kediaman. Untuk menangani cabaran ini, Kerajaan melancarkan Skim Rumah Pertamaku di bawah Bajet Tahun 2011 sebagai satu cara untuk memudahkan pemilikan rumah buat kali pertama dalam kalangan penduduk dewasa muda. Skim ini mengurangkan masalah kewangan yang dihadapi oleh individu yang ingin mendapatkan pembiayaan untuk menjelaskan bayaran pendahuluan pembelian rumah. Di bawah skim ini, pembeli rumah kali pertama boleh mendapatkan pembiayaan 100% daripada institusi kewangan, dengan disokong oleh jaminan daripada Cagamas Berhad (Cagamas) bagi 10% daripada nilai pinjaman. Jaminan yang diberikan Cagamas ini disokong oleh Kerajaan. Sokongan kewangan yang disediakan di bawah skim ini bukan sahaja membolehkan rakyat muda Malaysia di pusat bandar untuk memiliki rumah sendiri, bahkan membantu mereka mengumpul aset lantas mempertingkat kebajikan mereka.

Usaha berterusan oleh Bank untuk meningkatkan keupayaan pengguna melalui maklumat, pendidikan dan bantuan kewangan terus membuahkan hasil. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan oleh Bank pada tahun 2006 telah menyediakan khidmat nasihat dan kaunseling pengurusan kewangan kepada lebih 30,000 pengguna pada tahun 2010, dan lebih 15,000 daripada mereka menerima bantuan di bawah Program Pengurusan Hutang AKPK. Pusat Hubungan Bersepadu Bank yang ditubuhkan pada tahun 2008, terus menjadi platform penting bagi pengguna mendapatkan maklumat dan bantuan berhubung dengan hal-hal kewangan. Pada tahun 2010, hampir 300,000 individu dan entiti perniagaan mendapatkan bantuan daripada pusat tersebut, terutamanya untuk mendapatkan maklumat dan nasihat kewangan. Bilangan pengguna yang mendapatkan perkhidmatan daripada pusat tersebut telah meningkat 15.6% berbanding pada tahun 2009 lantaran menunjukkan kesedaran dan inisiatif di pihak pengguna untuk menggunakan platform sedemikian bagi mendapatkan bantuan dan memahami dengan lebih lanjut hal-hal kewangan. Saluran sedia ada yang ditawarkan oleh cawangan Bank di seluruh negara diperlengkap oleh perkhidmatan kaunter bergerak yang dimulakan pada bulan November 2010 di Selangor. Langkah ini bertujuan memudahkan orang ramai di kawasan luar bandar untuk mendapatkan nasihat kewangan. Kesedaran orang ramai juga dipertingkat melalui kerjasama strategik Bank dengan persatuan-persatuan pengguna untuk melaksanakan program celik kewangan untuk anggota masyarakat dan golongan

muda di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh negara. Pendekatan pelbagai hala yang diambil oleh Bank untuk menggalakkan pendidikan dan perlindungan pengguna benar-benar menyokong pembangunan sektor kewangan yang lebih berdaya saing dengan akses yang lebih baik kepada rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang pelbagai, selain diperkukuh usaha membolehkan pengguna membuat keputusan kewangan yang bertanggungjawab dan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

KEPENTINGAN UTAMA PADA MASA HADAPAN

Hasil yang berjaya dicapai selama ini dalam pembangunan sektor kewangan sebahagian besarnya disebabkan oleh penerapan pendekatan menyeluruh untuk membangunkan sektor ini. Sebahagian besar segmen masyarakat hari ini mempunyai akses yang luas kepada perkhidmatan kewangan pada kos yang berpatutan. Melangkah ke hadapan, peranan sektor kewangan perlu terus berubah demi menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju. Untuk tujuan ini, Bank kini pada peringkat akhir perumusan rangka tindakan sektor kewangan yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan negara untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dalam menyokong matlamat negara menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Struktur sistem kewangan Malaysia dijangka berubah untuk menjadi lebih pelbagai dari segi institusi dan pengaturan bagi menyokong fungsi pengantaraan kewangan yang cekap dan berkesan dalam ekonomi baharu, dengan produktiviti yang meningkat, inovasi yang bertanggungjawab dan sokongan yang lebih padu dalam pembentukan perniagaan. Transformasi sektor kewangan akan berlaku dengan lebih pantas melalui proses integrasi kewangan yang berterusan dan saling hubungan yang lebih erat di rantau ini, penerusan liberalisasi sektor kewangan secara beransur-ansur dan berperingkat, selain integrasi sistem pembayaran dan penyelesaian, dan kerjasama merentas sempadan yang lebih rapat dalam usaha untuk mengekalkan kestabilan kewangan serantau. Matlamat ini akan dicapai dengan tumpuan berterusan terhadap sistem kewangan inklusif dan rangka kerja pengawasan, perlindungan pengguna dan pengawalseliaan kehematan yang lebih kukuh yang akan menyediakan asas teras untuk pertumbuhan yang mampan berserta kestabilan kewangan.

Rangka tindakan sektor kewangan bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor kewangan negara untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dalam menyokong matlamat negara menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020

Dalam bidang kewangan Islam, kedudukan Malaysia sebagai hab global kewangan Islam akan terus diperkukuh, dengan disokong oleh kumpulan institusi yang pelbagai, pasaran kewangan yang mendalam, cekap dan mempunyai tahap mudah tunai yang tinggi, serta perkhidmatan sampingan dan sokongan yang memberangsangkan, termasuk khidmat perundingan dan nasihat serta kumpulan tenaga mahir yang sangat kompeten lagi berkebolehan. Faktor ini juga akan menyumbang dan melengkapkan strategi yang telah dikenal pasti untuk menggalakkan penggemblengan dana yang lebih cekap melalui pasaran kewangan. Rangka tindakan yang menggariskan wawasan, strategi dan saranan Bank akan diterbitkan pada tahun 2011.

Bank akan terus menyumbang secara aktif kepada usaha kajian semula yang menyeluruh terhadap sistem pencen dan keselamatan sosial yang di bawah naungan Kerajaan. Tumpuan adalah ke arah memastikan supaya sistem pencen dan keselamatan sosial terus teguh dan mampan dengan mengambil kira trend demografi dan sosial di Malaysia. Langkah ini bukan sahaja dapat menambah baik rangka kerja pencen sedia ada bahkan mampu membangunkan industri pencen swasta sukarela untuk melengkapkan skim simpanan persaraan wajib dan skim kebajikan warga emas. Dalam hal ini, institusi perbankan dan syarikat insurans sewajarnya memainkan peranan penting dalam pembangunan ini.

Usaha juga akan dipergiat untuk mengukuhkan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi antarabangsa. Apabila Malaysia menjadi lebih bersepadu dengan ekonomi serantau, kerjasama merentas sempadan dalam bidang pembangunan sektor kewangan, pengawalseliaan kewangan, serta pengurusan dan penyelesaian krisis dijangka menjadi semakin penting. Dalam hal ini, Bank akan terus mencari jalan dan peluang untuk institusi kewangan Malaysia di luar negeri melalui perjanjian dua hala dan pelbagai hala untuk menjana manfaat optimum kepada seluruh ekonomi, dan pada masa yang sama memastikan prasyarat dan elemen perlindungan diwujudkan untuk mengurangkan sebarang kesan buruk kepada sektor kewangan dan ekonomi negara secara keseluruhannya.